



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**
 Semester & Year : May – August 2024
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks
SOALAN 2 – Tatabahasa
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B : **SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Adam dan Ganesh telah berkawan sejak berumur 7 tahun lagi. Mereka tinggal di Pangsapuri Sejati, Cheras. Mereka selalu bermain bersama-sama. Setiap petang, mereka akan berjumpa di padang permainan berhampiran rumah untuk bermain bola sepak. Ganesh seorang yang sangat baik hati dan rajin. Dia juga selalu menolong Adam dalam pelajaran. Mereka belajar di kolej yang sama, iaitu Kolej Universiti BERJAYA, Kuala Lumpur. Mereka mengambil program Diploma Seni Kulinari.

Di kolej, mereka suka pergi ke perpustakaan. Di sana, mereka akan mengulang kaji pelajaran dan membuat tugas bersama-sama. Ganesh suka membaca buku masakan manakala Adam suka membaca buku perniagaan. Mereka berdua mahu membuka perniagaan restoran selepas tamat belajar nanti.

Pada hujung minggu, Adam akan menolong emaknya menjual nasi lemak di hadapan pangsapuri. Nasi lemak emak Adam sangat sedap. Kadang-kadang, Ganesh juga akan datang menolong emak Adam menjual nasi lemak. Ganesh sangat suka makan nasi lemak emak Adam kerana rasanya pedas dan lazat. Emak Adam akan memberikan nasi lemak kepada Ganesh untuk dibawa pulang. Ganesh sangat gembira.

1. Sejak bilakah Ganesh berkawan dengan Adam? **(2 markah)**
2. Di manakah Adam dan Ganesh tinggal? **(2 markah)**
3. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh mereka pada setiap petang? **(2 markah)**
4. Apakah program yang diambil oleh Adam dan Ganesh di kolej? **(2 markah)**
5. Mengapakah Ganesh suka makan nasi lemak emak Adam? **(2 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

- Fatimah: Hai Jordan, apa khabar? Boleh tolong saya?
- Jordan: Hai Fatimah, khabar baik. Apa yang boleh saya tolong awak?
- Fatimah: Sebenarnya, saya sedang mencari rumah sewa.
- Jordan: Baiklah, saya akan cuba tolong. Apa kriteria rumah yang awak cari?
- Fatimah: Saya mahu rumah sewa jenis satu tingkat yang berdekatan dengan kolej kita.
- Jordan: Oh, banyak juga rumah sewa satu tingkat di sekitar kolej tetapi harganya RM3000 sebulan. Awak mahu?
- Fatimah: Saya rasa tidak mampu jika harganya begitu. Saya hanya boleh bayar RM2000 sebulan.
- Jordan: Jika begitu, awak boleh sewa apartment kerana harganya RM1800 sahaja. Apartment itu ada empat bilik tidur dan pendingin hawa. Apartment itu juga dekat dengan stesen MRT.
- Fatimah: Bagus! Bagaimana dengan perabot?
- Jordan: Tuan rumah menyediakan katil, tilam, almari, sofa dan meja makan sahaja.
- Fatimah: Saya rasa itu semua sudah mencukupi. Bagaimana hendak menghubungi tuan rumah tersebut?
- Jordan: Awak boleh hubungi Puan Anna di nombor 013-345 7890. Dia ialah emak saudara saya.
- Fatimah: Terima kasih banyak, Jordan.
- Jordan: Sama-sama. Jika ada apa-apa masalah, boleh beritahu saya.

1. Apakah kriteria rumah sewa yang dicari oleh Fatimah? **(2 markah)**
2. Berapakah harga sewa rumah satu tingkat di sekitar kolej? **(2 markah)**
3. Apakah **EMPAT (4)** perabot yang disediakan oleh tuan rumah di apartment tersebut? **(4 markah)**
4. Apakah hubungan antara Puan Anna dengan Jordan? **(2 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah: (10 markah)

- I. tidur **(2 markah)**
- II. mandi **(2 markah)**
- III. minum **(2 markah)**
- IV. makan **(2 markah)**
- V. memandu **(2 markah)**

b) Terjemahkan ayat yang berikut ke Bahasa Inggeris. (20 markah)

1. Ibu memasak di dapur. **(2 markah)**
2. Abang bermain bola di padang. **(2 markah)**
3. Adik lelaki saya menonton televisyen di ruang tamu. **(2 markah)**
4. Datuk membaca surat khabar di biliknya. **(2 markah)**
5. Kakak melukis gambar di balkoni. **(2 markah)**
6. Pak cik memandu kereta ke klinik. **(2 markah)**
7. Ayah berbasikal di taman. **(2 markah)**
8. Sarah melawat nenek di kampung. **(2 markah)**
9. Kawan saya belajar di Kolej Gemilang, Kuala Lumpur. **(2 markah)**
10. Mereka membuat tugas di perpustakaan. **(2 markah)**

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang “**Keluarga Saya**”.

ATAU;

2. Tulis esei ringkas tentang “**Makanan Kegemaran Saya di Malaysia**”.

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT